

SOALAN NO: 51

Sehingga 31 Januari 2016, antara inisiatif tersebut adalah seperti berikut :

- (i) Sebanyak 657 lokasi Pusat Internet 1Malaysia adalah berstatus siap dan beroperasi;
- (ii) Sebanyak 2,977 buah lokasi WiFi Komuniti adalah berstatus siap dan beroperasi;
- (iii) Sebanyak 1,000 buah menara komunikasi di bawah program Peluasan Liputan Selular - Menara Komunikasi adalah berstatus siap dan beroperasi;
- (iv) Sebanyak 1,410 buah lokasi projek Liputan Jalur Lebar Mudah Alih 3G telah dinaik taraf; dan
- (v) Sebanyak 3,216 port telah disediakan bagi projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB).

Bagi mengatasi masalah liputan siaran televisyen di kawasan luar bandar, Kementerian sedang dalam pelaksanaan penyediaan infrastruktur bagi pelaksanaan sistem penyiaran televisyen digital (DTTB) yang sedang giat dijalankan terutama dalam proses penyediaan Hab Digital Multimedia di Cyberjaya serta Pusat Pemulihan Bencana atau '*Disaster Recovery Centre*' di Shah Alam.

Apabila perkhidmatan DTTB ini mula beroperasi, rakyat bakal menikmati kualiti siaran yang lebih baik dan pertambahan saluran yang boleh menyiarkan lebih banyak kandungan. Pertambahan saluran juga membolehkan rakyat mempunyai lebih banyak pilihan untuk menonton program yang diminati.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP**
[SEKIJANG]
SOALAN : **52**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan projek yang mendapat dana sains daripada Kementerian dan keberkesanan serta impak program tersebut kepada masyarakat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Dana Sains atau *ScienceFund* diwujudkan bertujuan untuk membiayai aktiviti penyelidikan ke arah penjanaaan pengetahuan. Salah satu objektif dana ini adalah untuk membantu para penyelidik menjalankan penyelidikan yang boleh menyumbang kepada penemuan idea baharu dalam bidang sains gunaan dan seterusnya membantu Kerajaan mencapai sasaran nisbah 70 RSE (penyelidik) daripada 10,000 tenaga kerja menjelang 2020.

Sebagai contoh, di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah meluluskan sebanyak 1,474 projek dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM306 juta. Pembiayaan ini meliputi

kluster ICT, bioteknologi, industri, nanoteknologi, laut-ke-angkasa (Sea-to Space) dan Teras S&T (S&T Core) dan bidang-bidang keutamaan berikut:

- (i) Sains Hayat;
- (ii) Sains Komputer dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT);
- (iii) Sains Pertanian / Kejuruteraan Pertanian;
- (iv) Sains Alam Sekitar;
- (v) Sains Bahan Termaju;
- (vi) Sains Kimia;
- (vii) Sains Fizikal dan Matematik;
- (viii) Kejuruteraan;
- (ix) Sains Perubatan dan Kesihatan; dan
- (x) Sains Sosial dan Kemanusiaan.

ScienceFund telah memberi manfaat dalam meningkatkan bilangan pakar, penyelidik dan saintis tempatan dalam pelbagai bidang. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10, sebanyak 423 saintis berkelulusan ijazah Doktor Falsafah dan 569 saintis berkelulusan Sarjana telah dihasilkan melalui projek-projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dibiayai oleh *ScienceFund*.

Selain itu, ia juga telah menghasilkan sebanyak 476 harta intelek serta 3,542 buah penerbitan seperti jurnal, tesis dan kertas prosiding. Hasil R&D yang dibiayai oleh *ScienceFund* turut berjaya memenangi 190 anugerah di peringkat nasional dan antarabangsa. Dana ini turut berjaya meningkatkan perkembangan ilmu melalui kolaborasi antara universiti, institusi penyelidikan awam dan swasta serta pihak industri.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan penjenamaan semula tingkatan 6 mampu meningkatkan semula keyakinan pelajar bagi mengikuti sesi pembelajaran tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Penjenamaan Semula Tingkatan Enam dapat meningkatkan semula keyakinan murid untuk memilih Tingkatan Enam sebagai laluan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi berdasarkan kepada lima (5) fokus, iaitu:

1. Fokus Imej dan Anjakan Minda - murid dibenarkan untuk berpakaian kemas dan sopan seperti pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) yang lain. Perkara ini dapat meningkatkan imej dan keyakinan diri murid Tingkatan Enam.

2. Fokus Info dan Infrastruktur - pemusatan Tingkatan Enam di Pusat Mod 1 dan Mod 2 dilaksanakan iaitu murid Tingkatan Enam dikumpulkan di satu sekolah atau bangunan khusus untuk Tingkatan Enam. Pemusatan ini dapat memastikan penggunaan sumber tenaga dan kewangan yang optimum bagi meningkatkan kelancaran pengurusan serta pembelajaran dan pengurusan Tingkatan Enam.
3. Fokus Pengurusan dan Pentadbiran – guru Tingkatan Enam (akademik) diberi lantikan hakiki berdasarkan gred DG52, DG48 dan DG44. Ini dapat meningkatkan kredibiliti guru bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berkualiti dan setaraf dengan IPT.
4. Fokus Mod P&P - perubahan kepada mod P&P ala universiti dilaksanakan iaitu P&P dijalankan secara kuliah, tutorial atau pembentangan *viva* demi melahirkan lepasan Tingkatan Enam yang lebih matang dan global serta dapat bersaing.
5. Fokus Kurikulum - selaras dengan penjenamaan juga, mulai tahun 2012 sistem Pentaksiran Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) telah bertukar daripada sistem terminal kepada sistem modular. Melalui sistem modular, peperiksaan dijalankan sebanyak tiga (3) kali pada setiap hujung penggal dan markah keseluruhan STPM adalah kumulatif daripada peperiksaan bertulis (dengan wajaran 60% - 80%) dan kerja kursus (wajaran 20% - 40%). Pembaharuan kepada kaedah pentaksiran telah

meningkatkan pencapaian STPM daripada purata nilai gred kumulatif (PNGK) 2.54 bagi STPM 2013 kepada PNGK 2.62 bagi STPM 2014. Peningkatan ini telah menyaksikan peningkatan kepada jumlah lepasan STPM yang berjaya masuk ke universiti iaitu sebanyak 40% - 50% daripada calon yang memohon.